

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 MEI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	NICE 2015 tarik 1,000 peserta	Utusan Malaysia
2.	NICE 2015	Utusan Malaysia
3.	MOSTI capai KPI 134 peratus	Utusan Malaysia
4.	Metrology Lab tackles aes, rice moisture	New Straits Times
5.	SIRIM pastikan pengguna selamat	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

sains

NICE 2015 tarik 1,000 peserta

Iktiraf hasil kreativiti dan inovasi tempatan



IMBAS... Rostrum pintar (Rospin) antara inovasi yang pernah memenangi AIN.

SEPERTI juga tahun-tahun sebelumnya, Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2015) bakal menemui orang ramai pada 21 hingga 23 Mei ini. Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Dr. Ewon Ebin**, penganjuran NICE 2015 mengekalkan tujuan utamanya iaitu mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat.

Jelas beliau, NICE 2015 akan diadakan di ibu negara bertemakan *Melewati Inovasi (Beyond Innovation)*.

Dengan tema tersebut, ia akan membuka ruang membincangkan bagaimana inovasi dapat memberi impak kepada manusia sejagat.

"Persidangan pada kali ini pihak penganjur menyasarkan sebanyak 1000 peserta dan hampir 20,000 pengunjung dan meliputi setiap aspek inovasi dan fokus kepada nilai sebenar inovasi tersebut," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Apresiasi MOSTI 2015 di Putrajaya baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

NICE 2015 merupakan antara program yang dilaksanakan MOSTI bagi mencapai sasaran pengkomersialan sebanyak 360 produk inovasi menjelang 2020 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

Dengan itu, MOSTI sedang berusaha menggalakan program menggalakkan syarikat dan individu yang terlibat dalam aktiviti inovasi bagi menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C).

MOSTI juga telah memperkenalkan inovasi sosial atau *MOSTI Social Innovation (MSI)* sebagai salah satu elemen dalam peluasan skop dana bermula 2015.

Memperuntukkan dana sejumlah RM20 juta, geran tersebut akan diagihkan menerusi salah sebuah agensinya iaitu Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bersama hasrat untuk memperluaskan skop dana *Community Innovation Fund (CIF)* bagi membiayai projek yang memiliki elemen inovasi sosial walaupun tiada elemen penyelidikan dan pembangunan (R&D) terbaharu.

Dana tersebut turut terbuka kepada pereka cipta dan inovasi akar umbi, pemenang anugerah inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Inovasi sosial juga merujuk kepada konsep, idea dan strategi yang membawa kepada penambahbaikan sosial pelbagai lapisan masyarakat menerusi pendekatan inovatif.

Oleh yang demikian, elemen teknologi yang boleh disebarkan lebih daripada satu lokasi akan menjadi salah satu kriteria yang akan dipertimbangkan untuk penerima dana di bawah inovasi sosial tersebut.

Pendekatan tersebut dilihat akan dapat membela nasib akar umbi yang telah melaksanakan inovasi.

Justeru, penganjuran NICE 2015 merupakan peluang dan ruang untuk golongan pereka cipta serta masyarakat melihat dengan lebih dekat mengenai sains, teknologi dan inovasi.

Selain menyasarkan peserta dalam kalangan orang awam, syarikat swasta, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, NICE 2015 turut membawakan panel penceramah dan pembentang dari luar dan dalam negara.

Merangkumi enam aktiviti utama iaitu majlis perasmian, persidangan, inovasi dan pengkomersialan, pameran, padanan

perniagaan, klinik dana dan malam kemuncak iaitu Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2015.

Bagi program persidangan, personaliti dan penceramah khas dijemput sama ada dari dalam mahupun luar negara yang berpengalaman dalam bidang inovasi dan pengkomersialan bagi berkongsi idea, inspirasi dan kepakaran. Sesi khas pula akan dibahagikan kepada tiga trek berbeza yang memenuhi kecenderungan tiga kumpulan fokus iaitu sektor awam, industri dan belia.

Seterusnya, pameran yang dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu hasil pencapaian atau kejayaan MOSTI, finalis AIN dan lain-lain.

Pameran itu juga turut memaparkan jualan produk-produk inovasi dan R&D pereka cipta tempatan.

Bagi sesi padanan perniagaan pula dilihat dapat membantu peserta mengenal pasti syarikat dan rakan kongsi yang berpotensi untuk menjana keuntungan menerusi perluasan teknologi dan meningkatkan aktiviti pengkomersialan.

Peserta juga dapat berkongsi idea dan kaedah terbaik untuk melebarkan teknologi serta mempromosi produk masing-masing.

Menggunakan kaedah *conceptual match* dan aktiviti seperti pembentangan produk, demonstrasi serta ruang diskusi akan mewujudkan suasana urus niaga yang lebih santai dan profesional.

Terakhir adalah klinik dana yang diadakan bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih tepat dan khidmat nasihat kepada penyelidik dan rakan industri berhubung prosedur dan kelayakan permohonan dana R&D MOSTI.

Bagi yang berminat untuk menyertai NICE 2015 serta mendapatkan maklumat lanjut berkenaan layari laman web MOSTI di www.mosti.gov.my/nice2015.

Info NICE 2015

- Tarikh: 21 hingga 23 Mei 2015
- Tempat: Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).
- Tahun lalu sempena *MOSTI Commercialisation Year (MCY2014)* MOSTI mensasarkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D MOSTI dikomersialkan.
- MOSTI berjaya mengkomersialkan sebanyak 65 produk R&D yang menggunakan dana MOSTI melebihi sasaran yang ditetapkan.
- Menjelang 2020, sebanyak 360 produk inovasi disasarkan oleh kerajaan.

SENARAI ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN 2015)

JENIS	KATEGORI	HADIAH (RM)
Anugerah Inovasi	Produk	RM50,000
	Perkhidmatan	RM50,000
	Akar umbi	RM20,000
Anugerah Sains Muda	Sekolah	RM10,000
		RM20,000
		RM20,000
Anugerah Juruteknologi		RM10,000

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 04
TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)



Sertai Kami!

nice
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION

**21 • 23
MEI 2015**

**melewati
inovasi**

PUSAT KONGRES
KUALA LUMPUR (KLCC)

PERSIDANGAN
PAMERAN
PADANAN PERNIAGAAN
KLINIK DANA

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

mosti
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

ITEX 15
MALAYSIA
15th International Trade & Innovation Exhibition

**NATIONAL
INNOVATION
AWARD**

Sains & Inovasi
Peneraju Transformasi

#NICEMOSTI2015 www.mosti.gov.my/nice2015

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

MOSTI capai KPI 134 peratus

SEBAGAI sebuah badan yang meneraju bidang sains, teknologi dan inovasi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa mempamerkan prestasi kerja yang cemerlang.

Menurut menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin, kecemerlangan tersebut merupakan satu bukti kakitangan kementerian tersebut sentiasa bersatu dan bersama dalam memacu perjalanan khususnya dalam merealisasikan visi

MOSTI.

Jelasnya, MOSTI pada tahun lepas berjaya mencatatkan pencapaian tahap Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 134 peratus dalam prestasi bidang teras (*core business*) mereka.

"Perdana Menteri pada 28 April lalu telah melancarkan laporan tahunan Program Transformasi Nasional 2014 yang mengandungi pencapaian KPI sepanjang tahun 2014 yang telah disumbangkan pelbagai pihak termasuk

jabatan dan agensi di bawah MOSTI.

"Pada tahun ini, walaupun masih berada dalam tempoh separuh tahun pertama, MOSTI telah berjaya melaksanakan pelbagai program utama," katanya.

Tambah beliau, antara program terbaharu adalah BioBorneo 2015 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah dan Mesyuarat ISO Teknik Keselamatan Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC) di

Kuching, Sarawak.

MOSTI juga telah melaksanakan empat siri *Karnival Kreativiti dan Science4u* mengikut zon iaitu Zon Selatan, Zon Sabah, Zon Timur dan Zon Sarawak.

Berikutan pencapaian tersebut MOSTI telah mengadakan Majlis Apresiasi MOSTI 2015 bagi meraikan seramai 348 orang kakitangannya yang menerima anugerah dan sumbangan atas perkhidmatan cemerlang sepanjang 2014.

METROLOGY LAB TACKLES AES, RICE MOISTURE

SEPANG: Without realising it, our daily lives revolve around metrology, the science of measurement.

When we estimate the time it takes us to get from our house to our workplace and at what speed we have to drive in order to get there on time, we are measuring.

Metrology plays a large role in modern life, including protecting people from harm, governing transactions and enabling industries to be innovative and competitive.

It impacts our economy, health and safety.

In Malaysia, among the topics the National Metrology Laboratory (NML) is focused on is the measurement of moisture in rice.

Rice sold by farmers to factories contains a high amount of moisture, between 19 and 26 per cent, with the figure rising during wet seasons.

Factories would deduct 15kg for every 1 per cent of excess moisture from the maximum 15 per cent moisture allowance, which could result in huge losses for both parties if the measurements are incorrect.

A similar scenario could occur in rice import transactions with other countries, where the country would be at a loss if it pays more for the weight of moisture instead of rice.

Rice should also be at the optimum



NML senior general manager **Dr Osman Zakaria** says NML is standardising a system that can be developed and used locally

moisture level of 14 per cent to maintain its quality and to prolong storage life. Low moisture could result in rice breakage, while high moisture could result in mildew.

To address the above scenarios, NML has developed a certified reference for calibrating and verifying the rice moisture meter.

This is to ensure that the readings displayed are accurate and transactions are just, while ensuring the quality of the rice received by consumers.

"We have the facilities and expertise, however, we need the approval of the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry to officially enforce



A metrologist conducting **rice moisture testing** at NML Sirim. Metrology, which plays a large role in modern life, also enables Malaysian industries to be **innovative and competitive**.

the measurement exercise," said NML senior general manager Dr Osman Zakaria.

Osman said through such a measurement exercise, Japan was able to stockpile rice in 42 warehouses nationwide, which could last for five years in the event of natural disasters.

NML is also standardising the Automated Enforcement System (AES) to better support traffic law enforcement.

"We are setting the premier standard as we are using a better system com-

pared with other industry players.

"AES equipment bought from Europe is good, but for the long term, it is less effective as they need to be sent back every eight months for recalibration.

"Therefore, we are standardising a system that we can develop and use locally," Osman said during a briefing on the upcoming National Metrology Day, which will be held on Wednesday, the same day as World Metrology Day.

Themed Measurements and Light, it is an annual event to commemorate a

diplomatic agreement known as the Metre Convention.

Malaysia became a full member of the convention in 2001.

NML will be holding an open day and hosting various activities, including a guided tour to selected laboratories, demonstrations of selected calibration systems, interactions with staff and metrology equipment by invited suppliers.

For details about National Metrology Day, visit www.sirim.my or SIRIM Berhad's Facebook page.

Kuala Lumpur: Dipertanggungjawabkan untuk memelihara kualiti dan rujukan terhadap alat penentu ukur di seluruh negara, kewujudan Makmal Metrologi Kebangsaan (NML) SIRIM Berhad, amat penting bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku terutama dalam bidang kesihatan serta keselamatan pengguna.

Pengurus Besar Kanan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Teknologi NML SIRIM Dr Osman Zakaria berkata, sesuai dengan fungsi badan itu yang ditugaskan sebagai pemantau ketepatan pengukuran, penubuhan makmal berkenaan adalah bagi memudahkan proses penentuan dan penetapan peralatan yang amat penting pada masa kini.

"Cuba bayangkan jika alatan yang digunakan dalam bidang perubatan tidak tepat, ia pasti akan memberikan kesan yang negatif kepada pesakit apabila ubat-ubatan yang diberikan tidak mengikut dos yang sepatutnya.

"Contoh lain pula, adakah kita sebagai pengguna tahu sama ada benar jumlah berat beras yang dibeli memang berat seperti yang kita inginkan (mengikut bungkusan lima kilogram) atau kurang daripada itu?

"Malah, pengukuran seperti panjang, lebar dan tinggi adalah sangat penting dalam kehidupan yang melibatkan pelbagai aktiviti se-

SIRIM pastikan pengguna selamat

harian seperti jual beli, pembinaan dan pembuatan yang menggunakan pelbagai alat pengukur dan unit sukatan, justeru tanpa ukuran dan unit ukuran yang tepat pasti akan menyebabkan kerugian," katanya ketika ditemui di NML SIRIM, Sepang.

Metrologi bermaksud sains pengukuran dan di bawah NML, standard utama pengukuran kebangsaan yang diselenggarakan ialah jisim,

panjang, lat masa, arus elektrik, suhu termodinamik, keamatan berluminesensi dan amaun bahan.

Standard sekunder bagi pengukuran daya, tekanan, tenaga, kapasitan, kelembapan, bendalir dan sebagainya dibangunkan berasaskan kepada standard utama berkenaan.

NML ditubuhkan di bawah SIRIM dan pada Februari 2008, ia dilantik sebagai Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan di bawah Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007.

Sementara itu, orang ramai dijemput menghadiri Hari Terbuka NML 2015 pada 20 Mei ini dari jam 2.30 hingga - jam 4.30 petang bagi mengenali fungsi dan ke-

pentingan sains metrologi kepada pembangunan negara.

Bertemakan Ukuran dan Cahaya, acara itu bersempena sambutan Hari Metrologi Sedunia bagi memperingati Konvensyen Meter 1875.

Tarikan utama hari terbuka itu termasuk peluang kepada orang ramai untuk me-

lawat makmal berkaitan keseragaman pengukuran sedunia, antaranya Makmal Pengukuran Kelembapan Padi dan Beras.

Menurut Dr Osman, Makmal Pengukuran Kelembapan Padi dan Beras penting dalam menentukan harga berat bersih komoditi itu bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Ia juga dapat membantu pesawah dan pengilang menentu dan mengesahkan meter kelembapan padi dalam beras bagi menjamin urusan niaga yang adil dan berkualiti," katanya.

NML terletak di Lot 4803, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Hubungi 03-87781600 atau 03-87781717 dan layari Facebook SIRIM Berhad untuk keterangan lanjut mengenai Hari Terbuka NML.



“Bayangkan jika alatan yang digunakan dalam bidang perubatan tidak tepat, ia pasti akan memberikan kesan negatif kepada pesakit apabila ia tidak mengikut dos yang sepatutnya”

Dr Osman Zakaria

UJIAN kelembapan padi dan beras boleh didapati di NML-SIRIM.

